

## BAB 2

### KONSEP *AMTHĀL* AL-QUR'ĀN

Al-Qur'ān adalah sebuah kitab terlung, mulia dan menjadi pedoman bagi seluruh umat manusia. Keagungan al-Qur'ān tidak tertanding bahkan memiliki pelbagai kemukjizatannya yang tersendiri. Ulama telah membahagikan kemukjizatan al-Qur'ān atau *i'jaz* al-Qur'ān kepada beberapa bahagian. Antaranya Manna' al-Qattan telah membahagikan *i'jaz* al-Qur'ān kepada tiga bahagian iaitu kemukjizatan bahasa dan susunannya (*i'jaz lughawi*), kemukjizatan ilmiah (*i'jaz ilmi*) dan kemukjizatan hukum (*i'jaz tasyri'*) (Manna' Al-Qattan, 1976). Oleh demikian, kemukjizatan al-Qur'ān perlu digali dan diterokai oleh para ilmuan agar dapat dikembangkan lagi keunikannya.

Dari sudut metafora al-Qur'ān, ia sering dikaitkan dengan kemukjizatan bahasa dan susunannya atau disebut sebagai *i'jaz lughawi*. Keindahan struktur ayat al-Qur'ān mampu menggugahkan jiwa sesiapa sahaja yang membaca serta memperolehi pelbagai nasihat dan pengajaran yang boleh diteladani. Allah SWT telah mengutuskan seorang rasul daripada kalangan manusia dan juga telah menurunkan al-Qur'ān dengan bahasa yang digunakan oleh manusia. Al-Qur'ān telah menggunakan pendekatan dan uslub yang memberi implikasi kepada manusia sejagat. Matlamatnya adalah agar manusia memahami serta mengamalkan suruhan Allah SWT dalam kehidupan. Sesuai dengan firman Allah Ta'ala dalam Surah Ibrāhim, ayat 4:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ  
وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ٤

Terjemahan: Dan Kami tidak mengutuskan seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, agar dia dapat memberi penjelasan kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki, dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Dia Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Qur'ān. Ibrāhim 14:4)

Diriwayatkan oleh Baihaqi daripada Abu Hurairah bahawasanya Nabi SAW berkata “Sesungguhnya al-Qur’ān di turunkan dengan lima bentuk; iaitu halal, haram, yang jelas (مُحْكَمٌ), samar-samar (مُتَشَابِهٌ). Maka beramallah dengan yang halal, dan hindarilah yang haram, dan ikutilah kebenaran, dan berimanlah dengan kesamaran serta mengambil iktibar dan pengajaran dengan perumpamaan. Adapun disebutkan oleh Imam Syafi’i dalam kitab “*Al-burhan fi ulumul Quran*”, wajib ke atas para mujtahid untuk mengetahui ilmu-ilmu al-Qur’ān. Kemudian, beliau juga berkata dengan memahami dan mempelajari ayat *amthāl* sebagai tanda dan bukti ketaatan yang teguh untuk mengelakkan kemaksiatan, dan meninggalkan kelalaian dan meningkatkan amalan-amalan sunnah yang utama (Al-Zarkasyi, 1998). Maka, dalam bab ini pengkaji akan menerangkan secara jelas berkaitan konsep *amthāl* dan maklumat-maklumat yang berkaitan tentangnya agar lebih difahami.

## 2.1 Definisi *Amthāl* Al-Qur’ān

Dari sudut linguistik, *amthāl* memberi maksud “seperti” atau “umpama”. Kalimah *amthāl* merupakan kalimah berbentuk jamak daripada kalimah *mithil* “مثل”; *mathāl* “المثل”, *mithāl* “المثال” seperti *syabbah* “الشبهه”

dan *syabbih* “الشبيه” pada lafaz dan makna, ia juga dipanggil keadaan atau kisah mengagumkan (Ma’abad, 1426).

Al-Jarbu telah membahagikan kalimah *mathāl* kepada beberapa maksud (Al-Jarbu, 2002). Antaranya ialah :

- i. *Al-mathāl* : Kalimah yang terkenal iaitu yang kerap kali digunakan oleh orang ramai dan dijadikan sebagai kiasan.
- ii. *Al-mathāl* : Disebut sebagai “sifat”, sebagaimana firman Allah Ta’ala di dalam surah al-Ra’d: 35:

﴿مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ لَنْ يَجْرِيَ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ أَكْلُهَا دَائِمٌ وَظِلُّهَا تِلْكَ عُقْبَى الَّذِينَ اتَّقَوْا وَعُقْبَى الْكَافِرِينَ النَّارُ ۝۳۵﴾

Terjemahan: Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa itu ialah air sungai-sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya; makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh. Itulah kesudahan usaha orang-orang yang bertaqwa, sedang kesudahan usaha orang-orang yang kafir pula ialah neraka.

(Al-Qur’ān. al-Ra’d: 35)

- iii. *Al-mathāl* : Memberi makna “seperti” atau “seumpama” dan majoriti maksud ini digunakan di dalam al-Qur’ān bagi kalimah *mathāl*.
- iv. *Al-mathāl* : Memberi makna contoh atau ikutan kepada sesuatu. Misalnya, kisah-kisah orang yang soleh berbentuk *mathāl* yang diceritakan di dalam al-Qur’ān.

Manakala, Ibn al-Qayyim memberikan takrif *amthāl* seperti berikut (Ibn Qayyim, 1982):

- i. *Amthāl* ialah menyerupai sesuatu dengan sesuatu pada hukum yang sama yang hampir dengan akal fikiran daripada pancaindera atau salah satu

daripadanya dan salah satu daripada keduanya (المعقول والمحسوس) memberi hukum pada satu yang lain.

Seterusnya, al-Raghib al-Asfahani menerangkan bahawa kalimah *al-mithl* ialah ‘suatu ungkapan berkaitan suatu perkara’ yang mempunyai persamaan ‘sesuatu ungkapan berkaitan dengan suatu perkara yang lain’ dan wujud persamaan antara kedua-duanya (Al-Raghib al-Asfahani, 2009). Dari sudut terminologi Manna’ al-Qattan mentakrifkan *mathāl* di dalam al-Qur’ān ialah susunan kata suatu makna dalam susunan yang indah, ringkas dan memberi kesan di dalam jiwa; sama ada kalimah itu dalam berbentuk *tashbīh* (perbandingan) atau ungkapan bebas (Manna’ Al-Qattan, 1976).

Berdasarkan takrif dan maksud yang dinyatakan oleh ulama-ulama mutakaddimin, pengkaji menyimpulkan bahawa *amthāl* adalah satu ungkapan padat dan indah berbentuk perumpamaan atau perbandingan yang dekat dengan fikiran manusia untuk berfikir serta mengambil pengajaran daripadanya.

## 2.2 Jenis *Amthāl* Al-Qur’ān

Para cendekiawan yang berkecimpung dalam bidang ulum al-Qur’ān dan karya sastra Arab telah menyatakan beberapa bahagian terhadap *amthāl* al-Qur’ān. Setiap ulama mempunyai pandangan yang berbeza terhadap jenis *amthāl* al-Qur’ān. Al-Zarkasyi, al-Suyūṭi dan al-Hasyimi telah mengklasifikasikan *amthāl* al-Qur’ān kepada dua cabang iaitu *zāhir mussarrahah bihi* dan *kaminah* (Al-Fayyad, 1993).

### i. *Zāhir muṣarraḥah bihi*

Bentuk ayat perumpamaan yang jelas dengan menggunakan perkataan *mathāl*. Contohnya, firman Allah SWT yang menceritakan kisah tentang golongan munafik di dalam surah al-Baqarah ayat 17:

﴿مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ﴾ (17)

Terjemahan: Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).

(Al-Qur'ān. al-Baqarah: 17)

Firman Allah dalam ayat yang lain di dalam surah al-Baqarah ayat 171:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمٌ عُمْيٌّ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ﴾ (171)

Terjemahan: Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalunya.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah: 171)

Kedua-dua ayat di atas mengandungi kalimah "مثل" yang jelas bagi menunjukkan sifat *zāhir mussarahah bihi*. Merujuk kepada bentuk ayat perumpamaan berikut, memudahkan lagi para pembaca untuk mengenalpasti ciri-ciri ayat perumpamaan yang nyata di dalam al-Qur'ān. Selain itu, Allah SWT memberikan

penjelasan yang amat menarik tentang perbandingan golongan munafik melalui ayat-ayat al-Qur'an yang berbeza. Justeru, ayat perbandingan yang jelas akan memainkan peranan yang penting bagi menerangkan kepada individu agar memahami maksud yang hendak disampaikan menerusi konteks ayat yang diterjemah.

ii. *Kaminah*

Sesuai konteks ayat yang tidak mengandungi kalimah *mathāl* akan tetapi ia memberi hukum kepada ayat *mathāl*. Ia tidaklah seperti *zāhir mussarahah bihi* yang menggunakan kalimah *mathāl*. Seperti yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 68 bermaksud:

﴿قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ  
عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ﴾ (٦٨)

Terjemahan: Mereka berkata pula: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya."

(Al-Qur'an. al-Baqarah: 68)

Menerusi contoh ayat berikut menunjukkan bahawa ia berbentuk ayat *amthāl kaminah* kerana secara zahirnya ia tidak mempamerkan kalimah "مثل" akan tetapi menunjukkan ayat perbandingan. Pada ayat tersebut menerangkan tentang perintah kepada Bani Israel untuk menyembelih seekor lembu dengan ciri-ciri yang tertentu iaitu lembu betina yang tidak tua dan tidak muda (pertengahan). Gambaran terjemahan ayat ini menunjukkan wujudnya ungkapan *mathāl* jika diteliti dengan baik dan terperinci. Disamping itu, Manna' al-Qattan juga membahagikan jenis *al-mathāl* kepada tiga

bahagian: *amthāl muṣarraḥah*, *amthāl kāminah*, dan *amthāl mursalah* (Manna' Al-Qattan, 1976).

### 2.2.1 *Amthāl Muṣarraḥah*

*Amthāl muṣarraḥah* bermaksud perbandingan yang menggunakan kalimah *mathāl* "مثل" (perumpamaan) atau sesuatu perkataan yang merujuk kepada perumpamaan atau perbandingan. Berikut merupakan contoh dalam surah Yūnus ayat 24:

﴿إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَدِرُونَ عَلَيْهَا أَنْتَلَّهَا أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَنْ لَّمْ تَعْنِ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ۚ﴾

Terjemahan: Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang - bercampur-aduk dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah Kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari lalu Kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil iktibar daripadanya).

(Al-Qur'ān. Yūnus: 24)

Contoh ayat perumpamaan di atas membincangkan berkaitan perbandingan kehidupan di dunia adalah sementara dan tiada yang kekal di dalamnya. Pada ayat

berikut juga mempamerkan kalimah *mathāl* “مثل” dalam al-Qur’ān yang jelas menunjukkan maksud “umpama” atau “bandingan”. Hal ini jelas menandakan bahawa ayat tersebut adalah berbentuk *amthāl muṣarraḥah*. Namun, tidak semua kalimah *mathāl* “مثل” menunjukkan perumpamaan atau bandingan. Oleh itu, hendaklah para pembaca mempelajari dan mengkaji konteks ayat perumpamaan di dalam al-Qur’ān agar dapat mengambil iktibar dan teladan daripadanya.

### 2.2.2 *Amthāl kāminah*

*Amthāl kāminah* pula bermaksud *amthāl* yang tidak disebut secara jelas lafaz kalimah *mathāl* akan tetapi memberi maksud yang indah dan ringkas. Meskipun tiada dinyatakan perkataan atau kalimah “*mathala*” yang merujuk kepada perumpamaan, akan tetapi perumpamaan tersebut wujud pada ayat tersebut. Hal ini kerana, ciri-ciri yang terdapat pada *amthāl kāminah* adalah terjemahan al-Qur’ān berbentuk tersirat. Adapun di dalam kandungan ayat tersebut maksudnya menyerupai kata hikmat di kalangan orang-orang arab ataupun perumpamaan menurut maksud ayat sahaja bukan pada kalimah ayat al-Qur’ān tersebut. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh al-Mawardī, beliau mendengar perbualan Abu Ishak Ibrāhim bersama al-Husain bin al-Fadhil berkaitan perumpamaan Arab iaitu:

( خير الأمور اوسطها )

Maksudnya: “Sebaik-baik perkara ialah yang pertengahannya”

Terdapat empat tempat di dalam al-Qur’ān yang menyerupai maksud perumpamaan tersebut. Antaranya ialah:

i. Surah al-Baqarah ayat ke 68

﴿قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ٦٨﴾

Terjemahan: Mereka berkata pula: "Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?" Nabi Musa menjawab: "Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah: 68)

Merujuk kepada konteks terjemahan ayat ini menerangkan bahawasanya Allah SWT memerintahkan kepada Bani Israel untuk melakukan penyembelihan terhadap lembu yang usianya tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda akan tetapi sebaiknya memilih usia yang dipertengahan. Ayat berikut dikategorikan sebagai perumpamaan kerana ia mempunyai hubungkait dengan pepatah arab di atas, maka usia lembu yang terbaik untuk disembelih adalah dipertengahannya.

ii. Surah al-Furqān ayat ke 67

﴿وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ٦٧﴾

Terjemahan: Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampauai batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.

(Al-Qur'ān. al-Furqān: 67)

Berdasarkan ayat berikut, Allah SWT menyeru agar sesiapa sahaja yang ingin menafkahkan harta mereka di jalan Allah SWT hendaklah tidak berlebihan atau melampau dan tidak pula bakhil. Oleh demikian, sebagai seorang muslim dinasihatkan agar membelanjakan harta mereka diantara kedua-duanya sebaik mungkin. Maka ayat ini dibahagikan sebagai *amthāl kaminah* kerana sifat perumpamaan yang berkait dengan pepatah arab berikut iaitu berpada-pada dalam menginfakkan harta.

iii. Surah al-Isrā ayat ke 29

﴿وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ۚ﴾

Terjemahan: Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.

(Al-Qur'ān. al-Isrā: 29)

Pada ayat ini, Allah SWT mengajar kita tentang adab di dalam pergaulan masyarakat iaitu tidak terlalu lokek (bakhil) dan tidak terlalu membazir dengan harta mereka. Orang yang bakhil diumpamakan seperti tangannya terbelenggu pada leher mereka. Manakala, orang yang boros adalah diibaratkan seperti menghulurkan tangannya sehabis mungkin tanpa menahannya. Oleh itu, ayat berikut dikelompokkan sebagai *amthāl kaminah* kerana ia dikaitkan dengan simpulan bahasa Arab di atas sebagai galakan agar tidak kedekut dan tidak boros dalam membelanjakan harta mereka.

iv. Surah al-Isrā ayat ke 110

قُلْ اَدْعُوا اللّٰهَ اَوْ اَدْعُوا الرَّحْمٰنَ ۗ اَيّٰ مَا تَدْعُوْنَ فَلَهُ الْاَسْمَاءُ الْحُسْنٰى وَلَا تَجْهَرْ بِصَلٰتِكَ

وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيْلًا ﴿١١٠﴾

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): "Serulah nama " Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia". Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.

(Al-Qur'an. al-Isrā: 110)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT memerintah Nabi Muhammad SAW supaya tidak solat dengan membaca bacaannya dengan suara yang kuat atau nyaring bagi mengelakkan gangguan musyrikin (awal Islam). Namun, tidak pula terlalu perlahan sehingga tidak didengari oleh makmum. Maka, Allah SWT memerintah agar membacanya dengan cara yang sederhana. Begitu juga pada ayat ini, tidak ditunjukkan kalimah *mathala* ataupun *adat tashbih*, namun diletakkan di bahagian *amthāl kaminah* kerana terdapat unsur pepatah Arab “ ( خير الأمور اوسطها ) ” iaitu tidak membaca terlalu kuat mahupun terlalu perlahan.

### 2.2.3 *Amthāl mursalah*

*Amthāl mursalah* adalah kalimah bebas yang tidak menggunakan lafaz *tashbih* yang jelas, tetapi ayat tersebut dikategorikan sebagai *mathāl*. Namun begitu, perumpamaan ini sukar difahami melalui konteks ayat sahaja bahkan perlu diteliti atau diperinci menerusi terjemahan yang dilakukan. Majoriti perumpamaan berbentuk *mursalah* banyak menceritakan tentang nasihat, pengajaran dan tunjuk ajar

sebagaimana ia tersurat dalam perumpamaan Arab (Azhar Muhammad, 1997). Berikut adalah contoh ayat *amthāl mursalah*:

i. Surah al-Baqarah ayat 179

﴿وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ۝١٧٩﴾

Terjemahan: Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah:179)

Konteks ayat ini merujuk kepada perbandingan orang Arab yang berbunyi : " القتال أنفى للقتل " bermaksud "pembunuhan menafikan pembunuhan".

ii. Surah an-Nisa ayat 123

﴿لَيْسَ بِأَمَانِيكُمْ وَلَا أَمَانِي أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ وَلَا يَجِدْ لَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيًّا وَلَا نَصِيرًا ۝١٢٣﴾

Terjemahan: (Balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapati hanya dengan angan-angan kamu semata-mata, dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (YaHūdi dan Nasrani). Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu, dan ia pula tidak akan mendapat - selain dari Allah - seorang pun yang akan melindunginya, dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.

(Al-Qur'ān. an-Nisa:123)

Konteks ayat ini merujuk kepada perbandingan orang Arab yang berbunyi :

“ ما تزرع تحصد ” bermaksud “ apa yang ditanam itulah yang dituainya ”.

iii. Surah Nuh ayat 27

﴿إِنَّكَ إِن تَذَرَهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا﴾

Terjemahan: Kerana sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka (hidup), nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu, dan mereka tidak akan melahirkan anak melainkan yang berbuat dosa lagi kufur ingkar.

(Al-Qur’ān. Nuh:27)

Konteks ayat ini pula merujuk kepada perbandingan orang Arab yang berbunyi :

“ لا تلد الحية الا حية ” bermaksud “ seekor ular itu tidak akan memperanakan melainkan ular juga ”.

Melihat kepada contoh *amthāl mursalah* ini tidak mempunyai perbezaan yang banyak mahupun ketara dengan *amthāl kaminah*. Hal ini kerana, terdapat sebilangan para pengkaji membahagikan perumpamaan berbentuk *mursalah* ini dibawah kategori *amthāl kaminah* (Muhammad, 1997). Oleh demikian, pengkaji berpandangan bahawa pembahagian perumpamaan dikategori kepada dua jenis sahaja; *amthāl muşarraḥah* dan *amthāl kaminah*.

### 2.3 Klasifikasi Pembahagian *Amthāl muṣarraḥah*

*Amthāl muṣarraḥah* merupakan bentuk perumpamaan atau perbandingan yang jelas dalam al-Qur’ān. Menurut kajian Azhar Muhammad (1997) mendapati terdapat tiga aspek berkaitan dengan *amthāl muṣarraḥah*. Berikut adalah:

- i. Perumpamaan dari sudut *basit* ( بسيط ) dan *murakkab* ( مركب )

Kategori ini adalah merujuk kepada pengolahan ayat dan penyampaian makna sesuatu perumpamaan tersebut. Terdapat perumpamaan di dalam al-Qur’ān yang terus sampai kepada makna yang ingin dijelaskan akan tetapi ada juga perumpamaan yang memerlukan kepada gambaran-gambaran bagi memahami konteks terjemahan berikut. Oleh demikian, perumpamaan dalam al-Qur’ān boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu perbandingan *basit* ( بسيط ) dan perbandingan *murakkab* ( مركب ) .

**Jadual 2.1:** Perbandingan *basit* dan *murakkab*

	Perbandingan <i>Basit</i>	Perbandingan <i>Murakkab</i>
Takrif	Perbandingan yang membandingkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara mufrad. Akan tetapi, ia mempunyai sifat dan perwatakan yang serupa bagi kedua-duanya.	Perbandingan yang mengemukakan dalam pelbagai bentuk gambaran, keadaan, pergerakan dan bukanlah berbentuk <i>mufrad</i> .
Contoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bandingan orang yang jahil dengan orang yang buta.</li> <li>• Orang yang berilmu dengan orang yang celik.</li> <li>• Keilmuan dengan cahaya.</li> <li>• Kejahilan dengan kegelapan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbandingan yang dikemukakan dalam unit-unit <i>mufrad</i> yang dibandingkan satu unit yang lain seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 261:  مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَنَابِلَةٍ  مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِعٌ  عَلِيمٌ ٢٦١</li> </ul>

**Maksudnya:** Perumpamaan bagi orang yang mendermakan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan bagi sesiapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas, lagi Maha Mengetahui.

Ayat ini menceritakan tentang bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah.

Unit	Perkara yang diumpama	Diumpamakan dengan perkara
1	Membelanjakan harta	Menanam biji benih (tumbuhan)
2	Niat ikhlas pada jalan Allah	Biji benih hidup dengan baik dan subur
3	Mendapat balasan yang berlipat ganda	Dari satu biji benih menghasilkan 7 tangkai dan pada setiapnya memiliki 100 biji benih.

- Perbandingan berbentuk satu unit yang tersusun baik dan tidak memiliki unit lain. Contoh dalam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 17:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ  
 مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي  
 ظُلْمٍ لَا يَبْصُرُونَ ١٧

Terjemahan: Perumpamaan bagi mereka adalah seperti orang-orang yang menyalakan api, setelah menerangi sekelilingnya, Allah menghilangkan cahaya (yang menyinari) mereka dan membiarkan mereka dalam kegelapan, tidak dapat melihat.

Unit	Perkara yang diumpama	Diumpamakan dengan perkara
1 unit sahaja	Perihal golongan orang munafik yang telah melihat sinar atau fajar Islam bersama Rasulullah. Namun, mereka tidak mengambil pengajaran dan ibrah daripadanya.	Orang yang dinyalakan api lalu ia menerangi persekitarannya. Lantas, Allah menghilangkan cahaya api tersebut dengan membiarkan mereka di dalam kegelapan.

ii. Perumpamaan dari sudut *hissi* (حسي) dan *'aqli* (عقلي)

Bagi perumpamaan yang terdiri darisudut *hissi* (حسي) dan *'aqli* (عقلي) ini menjelaskan tentang hubungkait di antara keduanya iaitu :

- i. Perkara yang diketahui melalui pancaindera zahir seperti penglihatan, hidu, rasa, pendengaran dan sentuhan disebut sebagai *hissi*.
- ii. Perkara yang diketahui melalui bentuk *ma'nawi*, perasaan, pemikiran dan setiap daripada jenis deria batin, dijelaskan sebaga *'aqli*.

Seterusnya, ia memiliki pelbagai jenis aspek hissi dan aqli dalam perumpamaan al-Quran. Berikut adalah keterangan secara ringkas bagi membincangkan aspek ini dengan mudah:

**Jadual 2.2:** Aspek *hissi* dan *aqli* dalam perumpamaan al-Qur'an

Jenis	Contoh ayat	Perkara yang diumpama	Diumpama dengan perkara
Hissi dan hissi	Al-Imran : 59	Nabi 'Isa A.S yang dilahirkan tanpa bapa (hissi).	Perihal Adam A.S yang dilahirkan tanpa ibu dan bapa (hissi).
'Aqli dan 'aqli	Al-Nisa : 77	Perasaan takut dalam menghadapi musuh di medan peperangan ('aqli).	Perasaan takut dan gerun dengan balasan serta azab siksa yang dijanjikan oleh Allah ('aqli).
Hissi dan 'aqli	Al-Mulk : 8	Nyalaan api yang panas membara (hissi)	Perasaan marah yang membara ('aqli)
'Aqli dan hissi	Fatir: 19-20	Bercirikan dengan keilmuan dan keimanan. Bercirikan dengan kejahilan dan kekufuran ('aqli).	Memperolehi keadaan celik dan bercahaya. Memperolehi keadaan buta dan kegelapan (hissi).
Kombinasi hissi - aqli	Al-Hadid : 20	Perihal kehidupan di dunia yang memiliki kesenangan: Harta, perhiasan, anak (hissi), kemegahan, kelebihan dan kekuatan ('aqli).	Umpama hujan yang turun dari langit (hissi) menyuburkan tumbuhan hingga menzahirkan perasaan kebingungan kepada penanamnya dan hasilnya menjadi layu ('aqli).

- iii. Perumpamaan dari aspek *haqiqi* (حقيقي) dan *khayali* (خيالي)

Perumpamaan-perumpamaan yang dibina selalunya tidak lari daripada perkara yang berlaku di persekitaran manusia dan tidak kurang juga diambil daripada imaginasi

tersendiri. Oleh itu, melalui gambaran tersebut mampu menerangkan keadaan *haqiqi* mahupun *khayali*. Berikut adalah penerangan bagi kedua-dua aspek:

**Jadual 2.3:** Penerangan aspek *haqiqi* dan *khayali*

Aspek <i>haqiqi</i>	Aspek <i>khayali</i>
<p>Majoriti perumpamaan dalam al-Qur'āndigambarkan melalui bentuk yang <i>haqiqi</i>. Sebagai contoh firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 264:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَىٰ كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا ۖ لَا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ٢٦٤</p> <p><b>Terjemahan:</b> Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan penerima), seperti orang yang mendermakan hartanya kerana riyak (menunjuk-nunjuk) kepada manusia dan dia tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Perumpamaannya (orang itu) seperti batu licin yang atasnya terdapat debu, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, maka tinggallah batu itu dalam keadaan licin kembali. Mereka tidak memperoleh apa-apa pun daripada apa yang mereka kerjakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir.</p> <p>Menceritakan tentang perumpamaan yang menggambarkan keadaan seseorang yang membelanjakan hartanya kerana ingin menunjuk-nunjuk dan riya', namun dia tidak beriman.</p>	<p>Dari sudut <i>khayali</i> memberi perumpamaan tentang bagaimana gambaran buah pokok zaqqum yang berasal dari neraka jahanam digambarkan seperti kepala-kepala syaitan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Saffat ayat 65. Sebagai manusia biasa sememangnya tidak ada sesiapa pun yang akan mengetahui rupa atau bentuk kepala syaitan. Namun begitu, seringkali akan membayangi sesuatu yang teramat hodoh, buruk dan hina. Selain itu, terdapat juga pada ayat yang lain berkaitan perumpamaan berikut di surah al-Dukhan ayat 44-46, al-Waqiah ayat 51-56 yang membandingkan buah pokok zaqqum sebagai makanan asasi penduduk neraka jahanam.</p>

## 2.4 Objektif Dan Keistimewaan *Amthāl* Al-Qur'ān

*Amthāl* ataupun perumpamaan yang terkandung di dalam al-Qur'ān tidak ditulis tanpa tujuan, malah ia memberikan pelbagai implikasi yang positif terhadap seluruh umat manusia yang menghayatinya. Melalui objektif *amthāl*, pembaca akan menemukan rahsia dan hikmah yang terdapat dalam perumpamaan al-Qur'ān. Seterusnya, *amthāl* merupakan salah satu gaya bahasa 'ilm al-bayān yang sering kali mempersembahkan ciri-ciri keindahannya. Gaya bahasa perumpamaan ini selalu digunakan oleh ahli retorik atau ahli bahasa di dalam percakapan mereka bagi tujuan tertentu.

Kepelbagaian uslub atau gaya bahasa di dalam al-Qur'ān menjadi sumber daya tarikan kepada pembaca termasuklah gaya bahasa perumpamaan. Gaya bahasa perumpamaan bukan sahaja mempamerkan keunikan bahkan menceritakan perihal-perihal yang berkaitan akidah, agama, kemasyarakatan, kepimpinan, pendidikan dan perkara-perkara yang menyentuh dunia serta akhirat. Adapun disebut di dalam al-Qur'ān tentang tujuan dan objektif ayat *amthāl* diturunkan, firman Allah SWT :

ثَوْتِي أَكَلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ٢٥

**Terjemahan:** Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).

(Al-Qur'ān. Ibrāhim: 25)

﴿لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ

الْأَمْثَلُ نُضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

**Terjemahan:** Sekiranya Kami turunkan Al-Qur’ān ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.

(Al-Qur’ān, al-Hasyr:21)

Merujuk firman Allah SWT terhadap ayat berikut menerangkan perumpamaan atau perbandingan diturunkan kepada manusia agar mereka berfikir dan mengambil peringatan kerana di setiap perumpamaan mempunyai ibrah yang berbeza. Namun begitu, Allah SWT juga turut memuji golongan orang yang berilmu kerana berusaha keras di dalam memahami makna atau maksud yang tersurat mahupun tersirat di dalam ayat perumpamaan al-Quran. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al-‘Ankabūt ayat 43 menyebut:

﴿وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعُلَمَاءُ ۝٤٣﴾

**Terjemahan:** Dan misal-misal perbandingan yang demikian itu Kami kemukakan kepada umat manusia, dan hanya orang-orang yang berilmu yang dapat memahaminya.

(Al-Qur’ān, Al-‘Ankabūt:43)

Selain itu, al-‘Izz Ibn Abd al-Salam yang menyenaraikan dua objektif *amthāl* al-Qur’ān (Ibn Abd al-Salam, n.d.). Antaranya:

- i. Perbandingan yang dinyatakan untuk mengajak manusia melakukan kebaikan.
- ii. Perbandingan yang dinyatakan untuk memberi ancaman kepada manusia daripada melakukan kejahatan.

Seterusnya, Habannakah (1980) pula menyenaraikan beberapa tujuan *amthāl* atau perbandingan dalam al-Qur'ān. Antaranya:

- i. Mendekatkan gambaran sesuatu perumpamaan kepada fikiran manusia.
- ii. Menyakinkan pembaca tentang sesuatu perkara.
- iii. Mengajak melakukan sesuatu atau mengancam daripada melakukan sesuatu.
- iv. Merangsang keinginan dan minat atau ketakutan dan kewaspadaan.
- v. Memuji atau menghina sesuatu.
- vi. Menajamkan minda pembaca.

Kesimpulannya, para ulama terdahulu telah menyenaraikan pelbagai tujuan dan keistimewaan yang dimiliki oleh ayat *amthāl* atau gaya bahasa perumpamaan di dalam al-Qur'ān. Oleh demikian, sebagai seorang muslim hendaklah mempelajari dan mendalaminya agar segala nasihat dan larangan yang terdapat di dalamnya sampai kepada hati dan jiwa mereka sekaligus dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

## 2.5 Faedah *Amthāl* Al-Qur'ān

Menurut al-Jurjani dalam *Asrar al-Balaghah* di antara fadhilat *amthāl* al-Qur'ān adalah boleh menggerakkan perasaan, menarik minat sehingga boleh membuat hati yang keras menjadi lembut (Al-Jurjani, 1431). Berdasarkan pandangan al-Zamakhshari, terdapat beberapa faedah dari *amthāl* al-Qur'ān :

- i. Membuat suatu maksud lebih mendalam dan menyempurnakan penjelasan.
- ii. Mempamerkan maksud-maksud yang tersembunyi.

- iii. Memperlihatkan suatu hakikat sehingga kita boleh merasai suatu yang *shahadah* dan ghaib menjadi nyata serta dapat menambahkan keyakinan keatasnya.

Seterusnya, Manna'' al-Qattan dalam *Mabahith fi Ulum al-Qur'an* menerangkan faedah yang terdapat pada *amthāl* yang sangat luas dan terperinci (Manna'' Al-Qattan, 1976). Antaranya:

- i. Ayat *amthāl* seringkali akan menonjolkan dengan sesuatu yang *maqul* yakni sesuatu yang boleh difikir oleh akal. Maka penerimaan akal disebabkan makna yang nyata, bukan yang menetap di dalam minda melainkan dirumuskan dalam gambaran deria yang dekat dengan pemahaman. Contohnya, Allah telah membuat perumpamaan bagi keadaan orang menafkahkan hartanya dengan rasa yang riya. Hal ini kerana, wujudnya rasa riya telah menghalang dirinya untuk mendapat pahala. Dimana jelas Allah nyatakan di dalam surah al-Baqarah ayat 264 maksudnya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ۚ﴾

**Terjemahan:** Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka

usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah:264)

Ayat di atas jelas dengan perumpamaan yang Allah SWT nyatakan bahawa rugi bagi mereka yang berinfaq dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk dan berniat untuk menyakiti hati yang lain.

- ii. Menerangkan hakikat dan mempamerkan sesuatu yang tidak nampak seakan-akan nampak. Firman Allah SWT dalam surah al-baqarah di dalam ayat 275 maksudnya:

﴿الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Terjemahan: Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah:275)

Terjemahan ayat tersebut membincangkan tentang perumpamaan golongan yang mengambil riba akan menyebabkan jiwa mereka tidak tenteram bahkan diumpamakan seperti orang yang dirasuk syaitan.

- iii. Menghimpunkan makna yang menarik dengan ungkapan yang ringkas seperti *amthāl kaminah* dan *amthāl mursalah*. Contoh ayat berbentuk *amthāl mursalah* dalam surah al-Hajj ayat 73:

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاَسْتَمِعُوا لَهُ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ لَنْ يَخْلُقُوا ذُبَابًا وَلَوْ اجْتَمَعُوا لَهُ وَإِنْ يَسْأَلْهُمْ الذُّبَابُ شَيْئًا لَا يَسْتَنْقِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ﴾ (٧٣)

Terjemahan: Wahai umat manusia, inilah diberikan satu misal perbandingan, maka dengarlah mengenainya dengan bersungguh-sungguh. Sebenarnya mereka yang kamu seru dan sembah, yang lain dari Allah itu, tidak sekali-kali akan dapat mencipta seekor lalat walaupun mereka berhimpun beramai-ramai untuk membuatnya; dan jika lalat itu mengambil sesuatu dari mereka, mereka tidak dapat mengambilnya balik daripadanya. (Kedua-duanya lemah belaka), lemah yang meminta (dari mendapat hajatnya), dan lemah yang diminta (daripada menunaikannya).

(Al-Qur'ān. al-Hajj:73)

- iv. Meletakkan perumpamaan sebagai daya tarikan yang disenangi jiwa. Misalnya, Allah memberikan perumpamaan tentang keadaan orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, lalu memberikan kebaikan dan manfaat yang banyak pada dirinya. Allah telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 261 mafhumnya:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ

مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Terjemahan: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Al-Qur'ān. al-Baqarah: 261)

- v. Manna' al-Qattan menyatakan lagi faedah *amthāl* yang lain adalah meletakkan perumpamaan seperti menjauhkan diri dari sesuatu yang dibenci oleh jiwa. Sebagaimana larangan mengumpat yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'ān surah al-Hujurat ayat 12:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا

يَعْتَبْ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُّحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْنَاهُ وَأَتَقُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.

(Al-Qur'ān. al-Hujurat:12)

- vi. Meletakkan perumpamaan berbentuk memuji orang, seperti mana firman Allah SWT tentang para sahabat dalam surah Al-Fath ayat 29 maksudnya:

﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِمَّنْ آتَرَ السُّجُودَ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا﴾ ٢٩

Terjemahan: Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengkagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.

(al-Qur'an. Al-Fath:29)

- vii. Kemudian, faedah lain ialah seperti menjadi suatu perumpamaan yang mempunyai sifat yang dipandang buruk oleh pembaca. Hal ini disebutkan di dalam al-Qur'an yang mana dijelaskan akan keadaan seseorang yang telah dikurniakan al-Qur'an akan tetapi tersesat jalan sehingga ia tidak

mengamalkannya. Kisah ini diceritakan dalam surah al-Araf melalui ayat 175 dan 176. Akhir sekali, faedah *amthāl* mampu mempengaruhi jiwa, menyampaikan dakwah, lebih kepada memberi teguran dan kata-kata yang memujuk seperti dalam surah Al-Zumar ayat 27:

﴿وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ۚ﴾

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam Al-Qur’ānini, supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran”

(Al-Qur’ān. al-Zumar:27)

## 2.6 Kepentingan *Amthāl* Al-Qur’ān Menurut Ulama

Bentuk-bentuk perumpamaan atau *amthāl* dalam al-Qur’ān memiliki keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Oleh itu, ia sering menjadi perhatian kepada sesiapa sahaja yang membacanya kerana berkaitan dengan kehidupan manusia. Melalui ayat *amthāl*, pembaca akan menjumpai pelbagai manfaat dan kebaikan yang boleh diperolehi serta dijadikan pengajaran sebagai sandaran hidup. *Amthāl* juga memainkan peranan bagi menjelaskan sesuatu ayat atau ungkapan dalam menyampaikan maksud tersurat mahupun tersirat.

Berdasarkan pendapat al-Zarkasyi, beberapa ulama yang tersohor telah menekankan kepentingan ayat *amthāl* dalam pelbagai cabang (Al-Zarkasyi, 1998).

Sebagai contoh:

- i. Al-syāfi : Perumpamaan adalah sebuah ilmu al-Qur’ān yang wajib diambil berat oleh para mujtahid (Al-Zarkasyi., 1998).

- ii. Al-mawardī : Seluas-luas ilmu al-Qur’ān ialah ilmu perumpamaan atau perbandingan (Sulaiman, 2001).
- iii. Syeikh ‘Izzuddin: Allah telah membuat perumpamaan di dalam al-Qur’ān sebagai peringatan dan nasihat (Sulaiman, 2001).

Adapun sebahagian ulama lain memberi pendapat bahawa *amthāl* al-Qur’ān memberi pelbagai faedah. Antaranya peringatan, nasihat, galakan, iktibar dan sebagainya. Perumpamaan berikut adalah untuk menjelaskan atau menerangkan tentang kedudukan atau darjat kenaikan pahala, keadaan yang memuji dan menghina, menyatakan ganjaran yang baik dan buruk.

Berdasarkan kepentingan yang disebut oleh ulama-ulama terdahulu, setiap individu muslim digalakkan mempelajari ilmu pengetahuan berkaitan uslub atau gaya bahasa perumpamaan di dalam al-Qur’ān kerana ia mengandungi ilmu yang meliputi seluruh kehidupan hidup di dunia mahupun akhirat melalui nasihat dan peringatan al-Qur’ān.

## 2.7 Kesimpulan Bab

Bab ini telah membahaskan secara terperinci bermula dengan definisi *amthāl* al-Quran adalah satu ungkapan padat dan indah berbentuk perumpamaan atau perbandingan yang dekat dengan fikiran manusia untuk berfikir serta mengambil pengajaran daripadanya. Terdapat dua jenis *amthāl* al-Qur’ān iaitu *amthāl muṣarraḥah* dan *amthāl kaminah*. Pengkaji juga telah membahagikan *amthāl* al-Qur’ān pembahagian *amthāl muṣarraḥah* kepada tiga bahagian iaitu aspek *basit* dan *murakkab*, aspek *hissi* dan *‘aqli* serta aspek *haqiqi* dan *khayali*.

Antara objektif serta keistimewaan *amthāl* al-Quran ialah mengajak manusia melakukan kebaikan, menjauhi kemungkaran dan pelbagai lagi. Salah satu, faedah *amthāl* al-Qur'ān adalah membuat suatu maksud lebih mendalam dan menyempurnakan penjelasan. Kepentingan *amthāl* al-Qur'ān menurut al-Mawardī adalah Seluas-luas ilmu al-Qur'ān ialah ilmu perumpamaan atau perbandingan. Selanjutnya, bab ketiga akan mengupas lebih dalam lagi dengan mengenalpasti ayat *amthāl muṣarraḥah* sahaja serta menganalisis ketepatan terjemahannya menerusi *Mafātih al-Ghayb* karya Imam Fakh al-Din al-Razi.



## KONSEP *AMTHĀL* AL-QUR'ĀN

### TAKRIF

- *Amthāl* adalah satu ungkapan padat dan indah berbentuk perumpamaan atau perbandingan yang dekat dengan fikiran manusia untuk berfikir serta mengambil pengajaran daripadanya.

### JENIS *AMTHĀL*

#### AL-QUR'ĀN

- Jenis perumpamaan dikategori kepada dua jenis; *amthāl muşarraḥah* dan *amthāl kaminah*.

### KLASIFIKASI

#### PEMBAHAGIAN

#### *AMTHĀL*

- Tiga aspek klasifikasi pembahagian *amthāl muşarraḥah*.
  - i. Aspek *basit* ( بسيط ) dan *murakkab* ( مركب ).
  - ii. Aspek *hissi* ( حسي ) dan *'aqli* ( عقلي )
  - iii. Aspek *haqiqi* ( حقيقي ) dan *khayali* ( خيالي )

### OBJEKTIF DAN

#### KEISTIMEWAAN

- Perbandingan yang dinyatakan untuk mengajak manusia melakukan kebaikan.
- Perbandingan yang dinyatakan untuk memberi ancaman kepada manusia daripada melakukan kejahatan.

### FAEDAH

#### *AMTHĀL* AL-QUR'ĀN

- Membuat suatu maksud lebih mendalam dan menyempurnakan penjelasan.
- Mempamerkan maksud-maksud yang tersembunyi.
- Memperlihatkan suatu hakikat sehingga kita boleh merasai suatu yang *shahadah* dan ghaib menjadi nyata serta dapat menambahkan keyakinan keatasnya.

### KEPENTINGAN

#### *AMTHĀL* AL-

- Al-Syāfi: Perumpamaan adalah sebuah ilmu al-Qur'ān yang wajib diambil berat oleh para mujtahid.
- Al-Mawardī: Seluas-luas ilmu al-Qur'ān ialah ilmu perumpamaan atau perbandingan.
- Syeikh 'Izzuddin: Allah telah membuat perumpamaan di dalam al-Qur'ān sebagai peringatan dan nasihat.

Rajah 2:1:

Konsep Amthal al-Quran